Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial wajar dilaksana - Pakar

Oleh Essa Abu Yamin - November 12, 2024 @ 9:20am
essabuyamin@bh.com



Datuk Dr Harlina Halizah Siraj

KUALA LUMPUR: Usaha Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melaksanakan **garis panduan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial** (PEERS) dalam Kurikulum Persekolahan 2027 wajar dilaksanakan ketika ini.

Pengasas Akademi Dr Har, Datuk Dr Harlina Halizah Siraj, berkata sudah tiba masanya untuk garis panduan PEERS berkenaan dilaksanakan bagi membimbing ibu bapa dan guru menyampaikan maklumat tepat berkaitan seksualiti.

Beliau berkata ia juga memastikan remaja membuat keputusan bijak untuk melindungi diri daripada aktiviti berisiko tinggi dan gejala sosial seperti kehamilan remaja serta penyakit jangkitan kelamin.

"Bagi pendidikan seksualiti holistik, KPM terutamanya pihak sekolah berperanan dalam dimensi sosialisasi murid, namun pendidikan seksualiti anak-anak itu sebenarnya perlu bermula daripada didikan ibu bapa di rumah.

"Peranan ibu bapa penting untuk memastikan asas pendidikan seksualiti yang berpandukan maklumat tepat serta sesuai dengan pegangan nilai, adat resam dan agama diberikan kepada anak-anak mereka," katanya kepada BH.

Semalam, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya mengambil perhatian serius isu berkenaan dan dari semasa ke semasa melaksanakan program berkait advokasi kesihatan reproduktif.

Katanya, langkah itu sudah mendapat persetujuan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan KPM sentiasa mengalu-alukan kerjasama rentas kementerian bagi menangani isu terbabit.

Mengulas lanjut, Dr Harlina yang juga bekas Profesor Obstetrik & Ginekologi dan Pendidikan Perubatan berkata, PEERS adalah satu garis panduan untuk pendidikan seksualiti dalam kalangan kanak-kanak mahupun remaja.

"Secara strateginya PEERS adalah untuk memberi pemahaman kepada ibu bapa dan guru-guru mengenai kepentingan pendidikan seksualiti.

"Pendidikan seksualiti bukannya untuk menggalakkan anak-anak mereka melakukan hubungan seks, malah ia memberikan anak-anak mereka ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membuat keputusan dalam batas seksualiti mereka," katanya.

Jelasnya, apabila ibu bapa mampu memberi maklumat yang tepat mengenai pendidikan seksualiti, maka anak-anak mereka akan menjadikan ibu bapa mereka sebagai sumber rujukan utama.

"Anak-anak mereka tidak lagi perlu merujuk kepada pornografi dan sumber tidak sahih di media sosial. Sebaliknya mereka akan sentiasa merujuk kepada ibu bapa mereka mengenai perkara berkaitan dan dapat dibimbing untuk membuat keputusan yang tepat.

"Ibu bapa perlu lebih bermaklumat dan mempunyai keyakinan untuk membimbing anak-anak dalam aspek seksualiti ini, dalam usaha membentuk individu yang seimbang, sejahtera dan sihat daripada aspek seksualiti serta reproduktif.